

Akaun Pay&Save-i:

Ciri Pelbagai Mata Wang

Kemaskini terakhir: 30 Mei 2023

Soalan Lazim

1. Apakah Ciri Pelbagai Mata Wang?

Ciri Pelbagai Mata Wang merupakan ciri yang membenarkan anda untuk menyimpan mata wang asing di dalam Akaun Pay&Save-i anda sehingga 12 mata wang.

2. Apakah syarat-syarat kelayakan bagi mengaktifkan Ciri Pelbagai Mata Wang?

Individu berumur 18 tahun dan ke atas yang mempunyai Akaun Pay&Save-i. Pemegang akaun bersama dan Pemilik Tunggal tidak layak untuk mengaktifkan Ciri Pelbagai Mata Wang.

3. Berapakah jumlah minimum untuk membuka Akaun Pay&Save-i bagi mengaktifkan Ciri Pelbagai Mata Wang?

Anda dikehendaki membuka Akaun Pay&Save-i dengan deposit permulaan minimum RM50.

4. Bolehkah saya mengeluarkan mata wang tempatan semasa berada di luar negara dan berapakah caj yang dikenakan? Sebagai contoh, semasa saya berada di Jepun, adakah saya boleh mengeluarkan nilai mata wang JPY daripada ATM tempatan?

Ya. Jika anda mempunyai mata wang asing, di dalam Akaun Pay&Save-i anda, anda boleh mengeluarkan wang dari mana-mana Visa PLUS/Mastercard Cirrus ATM di luar negara. Anda hanya perlu mengaktifkan ciri pengeluaran luar negara pada Kad Debit-i Hong Leong anda.

Apa yang anda perlu lakukan:

Langkah 1: Log masuk ke **Aplikasi HLB Connect** dan klik pada kotak **Akaun Pay&Save-i**

Langkah 2: Klik pada **Perkhidmatan**

Langkah 3: Klik pada **Tetapan Kad Debit**

Langkah 4: Leret togol **Overseas Withdrawal** ke kanan untuk mengaktifkannya.

Caj pengeluaran luar negara melalui Visa PLUS/Mastercard Cirrus adalah sebanyak RM12 (dalam Nilai Mata wang Asing yang bersamaan) atau 2% daripada jumlah pengeluaran, yang mana lebih tinggi.

5. Bolehkah saya menyimpan pelbagai mata wang asing di dalam Akaun Pay&Save-i saya?

Ya, anda boleh menukar simpanan di dalam Akaun Pay&Save-i anda kepada mana-mana mata wang daripada 12 mata wang asing, dengan kadar pertukaran yang kompetitif.

6. Apakah 12 mata wang yang disokong Ciri Pelbagai Mata Wang pada Akaun Pay&Save-i ini?

- (i) Dolar Australia (AUD)
- (ii) Renminbi China (CNH)
- (iii) Euro (EUR)
- (iv) Dolar Hong Kong (HKD)
- (v) Yen Jepun (JPY)
- (vi) Dolar New Zealand (NZD)
- (vii) Paun Sterling (GBP)
- (viii) Riyal Arab Saudi (SAR)
- (ix) Dolar Singapura (SGD)
- (x) Baht Thailand (THB)
- (xi) Dolar Amerika (USD)
- (xii) Dolar Kanada (CAD)

7. Jika saya mempunyai mata wang CNH, bolehkah saya mengeluarkan dan menggunakan duit tersebut sepanjang berada di China?

Tidak, kerana CNH merupakan mata wang yang dilindungi di China.

8. Adakah Ciri Pelbagai Mata Wang dilindungi oleh PIDM?

Ciri Pelbagai Mata Wang merupakan suatu ciri di dalam Akaun Pay&Save-i dan ia dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.

9. Bagaimanakah caranya untuk mengaktifkan Ciri Pelbagai Mata Wang dalam Akaun Pay&Save-i?

Ciri Pelbagai Mata Wang akan diaktifkan sebaik sahaja anda menukar sebarang jumlah daripada Akaun Pay&Save-i anda kepada mata wang asing.

Apa yang anda perlu lakukan:

Langkah 1: Log masuk ke Aplikasi HLB Connect dan tekan **Menu**, kemudian tekan **Foreign Currency Deposit**

Langkah 2: Pilih mata wang yang anda ingin tukarkan dan nyatakan jumlah yang diperlukan

Langkah 3: Ikuti arahan yang tertera pada skrin untuk teruskan

10. Adakah saya perlu pergi ke bank jika saya ingin menambah mata wang USD ke dalam Akaun Pay&Save-i saya?

Tidak, anda boleh menambah mata wang USD ke dalam Akaun Pay&Save-i anda melalui Aplikasi HLB Connect atau Perbankan Dalam Talian HLB Connect.

11. Jika saya mempunyai tiga (3) mata wang asing di dalam Akaun Pay&Save-i saya, (iaitu USD, SGD dan GBP) berapakah akaun bank yang saya perlu ada?

Anda hanya perlu mempunyai satu (1) Akaun Pay&Save-i sahaja tanpa mengira mata wang asing berbeza yang anda miliki.

12. Bagaimanakah caranya untuk saya memantau simpanan mata wang asing saya di dalam Akaun Pay&Save-i saya?

Anda boleh memantau simpanan mata wang asing anda melalui Aplikasi HLB Connect atau Perbankan Dalam Talian HLB Connect. Sebagai alternatif, anda juga boleh merujuk Penyata Bank Akaun Pay&Save-i anda.

13. Bagaimanakah caranya untuk saya mengetahui tentang kadar pertukaran asing bagi menukar mata wang MYR saya kepada mata wang asing?

Anda perlu log masuk ke Aplikasi HLB Connect atau Perbankan Dalam Talian HLB Connect dan klik pada "Deposit Mata Wang Asing". Kemudian, pilih mata wang yang anda ingin tukarkan dan kadar pertukaran mata wang tersebut akan dipaparkan secara automatik.

14. Bolehkah saya membayar mata wang asing menggunakan Kad Debit-i Hong Leong saya?

Ya. Anda cuma perlu mengaktifkan ciri perbelanjaan luar negara pada Kad Debit-i Hong Leong anda.

Apa yang anda perlu lakukan:

Langkah 1: Log masuk ke **Aplikasi HLB Connect** dan klik pada kotak **Akaun Pay&Save-i**

Langkah 2: Klik pada **Perkhidmatan**

Langkah 3: Klik pada **Tetapan Kad Debit**

Langkah 4: Leret togol **Overseas Retail Purchase** ke kanan untuk mengaktifkannya .

15. Saya berada di Jepun dan saya baru sahaja membayar menggunakan Kad Debit-i Hong Leong. Baki mata wang JPY saya yang tersedia telah berkurangan dalam Akaun Pay&Save-i saya. Akan

tetapi, saya mendapati bahawa transaksi tersebut tidak dipaparkan di dalam halaman sejarah transaksi akaun saya. Mengapakah saya tidak dapat melihat transaksi yang telah dilakukan?

Transaksi kad debit hanya akan dipaparkan di halaman sejarah transaksi Akaun Pay&Save-i anda tiga (3) hari daripada tarikh transaksi tersebut.

Untuk melihat sejarah transaksi kad debit perbelanjaan luar negara anda secara masa nyata, sila ikuti langkah-langkah di bawah:

Apa yang anda perlu lakukan:

Langkah 1: Log masuk ke **Aplikasi HLB Connect** dan klik pada kotak **Akaun Pay&Save-i**

Langkah 2: Klik pada **Kad**

- 16. Saya tidak menghadapi masalah untuk menggunakan Kad Debit-i Hong Leong saya pagi ini di Jepun, tetapi kini pembayaran saya ditolak dan saya menerima mesej yang memaklumkan bahawa transaksi ditolak "disebabkan melebihi had". Apa yang boleh saya lakukan?**

Itu menunjukkan bahawa anda telah melebihi had transaksi anda.

Apa yang anda perlu lakukan:

Langkah 1: Log masuk ke **Perbankan Dalam Talian HLB Connect** dan klik **Other Services** daripada **Menu Utama**.

Langkah 2: Pada bahagian **Debit/ATM Card**, sila pilih **Card Transaction Limit**

Langkah 3: Di bawah **Retail Purchase (Local & Overseas)**, sila nyatakan **Permanent Limit** yang baharu

Perlu diingatkan bahawa had harian adalah dalam mata wang MYR dan anda harus mempertimbangkan mata wang asing yang anda belanjakan semasa mengemas kini had baharu.

- 17. Adakah bank akan mengenakan caj apabila saya melakukan transaksi pembelian menggunakan Kad Debit-i Hong Leong melalui Ciri Pelbagai Wang?**

Tidak, tiada caj akan dikenakan.

- 18. Adakah saya boleh menggunakan Aplikasi HLB Connect untuk Pembayaran QR di Thailand ("THB") dan Singapura ("SGD")?**

Ya, anda boleh. Walau bagaimanapun dana akan diambil daripada Akaun Pay&Save-i MYR anda dan kadar pertukaran akan terpakai. Jika anda mempunyai THB atau SGD di dalam Akaun Pay&Save-i anda dan anda ingin melakukan transaksi pembayaran menggunakan mata wang asing, anda boleh bayar menggunakan Kad Debit-i Hong Leong anda.

19. Bolehkah saya menerima mata wang asing ke dalam Akaun Pay&Save-i saya?

Ya, anda boleh.

Cara-caranya adalah:

- Pindahan pihak pertama antara Akaun Pay&Save-i anda; atau
- Melalui Pindahan Bertelegraf SWIFT HLBBMYKL. Sila pastikan anda telah aktifkan mata wang asing di dalam Akaun Pay&Save-i anda. Jika tidak, mata wang asing tersebut akan ditukarkan semula kepada MYR.
- **Sebagai contoh**, makcik anda yang berada di Australia ingin menghantar AUD500 kepada anda sebagai hadiah perkahwinan.

Akaun Pay&Save-i dengan AUD	Mata wang yang diterima
Ya	AUD500
Tidak	MYR bersamaan AUD500